



Khairy Jamaluddin (tengah) dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia, Tun Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar memeriahkan program Latihan Sukarelawan sempena Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9, semalam.

# Sukarelawan Sukan SEA 2017 berlatih di UKM

➔ KJ mahu 'Wow Factor' mampu bertindak pantas, cepat atasi masalah

Oleh Sukhairi Thani  
sukhairi@bh.com.my

► Bangi

**P**asukan sukarelawan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 dianggap sebagai aset dan duta penting negara ketika Malaysia menganjurkan temasya dwitahunan itu, Ogos ini.

Pasukan yang dikenali sebagai 'Wow Factor' itu akan berada 'di barisan hadapan' temasya itu nanti dan tindak tanduk mereka bakal menjadi cermin utama imej negara.

Justeru, kumpulan itu kini giat menjalani latihan serta kursus di Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) yang merangkumi aspek pengetahuan Asia Tenggara, keterampilan dan kemahiran penyelesaian masalah.

"Mereka berada di barisan hadapan dan tindak tanduk mereka akan memberi gambaran mengenai Malaysia selaku tuan rumah," kata Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar kepada media selepas melakukan lawatan ke sini, semalam.

### Melangkau tugas hakiki

"Saya mahu mereka bersedia, bukan saja keterampilan atau imej tetapi juga cara bagaimana mereka harus melangkaui tugas hakiki bagi menye-

lesaikan sesuatu masalah.

"Saya tidak mahu mereka menjaga tugas hakiki mereka saja. Dalam keadaan Sukan SEA, kita berdepan pelbagai masalah dan kalau dia hanya menjaga diri dan tugas hakiki saja, maka mungkin masalah di depan mata tak dapat diselesaikan dengan cepat.

"Kita memerlukan sukarelawan yang bertindak pantas dan boleh menyelesaikan masalah dengan cepat," katanya.

Dalam pada itu, Khairy berkata, sukarelawan Sukan SEA Kuala Lumpur dan Sukan Para ASEAN akan disediakan makan dan minum, pakaian rasmi, skim insurans berkelompok dan sijil penghargaan.